

KEPELBAGAIAN PENGAJARAN GURU PRASEKOLAH BAGI MENCAPAI STRATEGI PENGAJARAN: SATU KAJIAN KES DI NEGERI PERAK DAN SELANGOR

Nor Shahida Munawir
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Corresponding Author's Email: Shahidamunawir05@gmail.com

Article History:

*Received : 26 August 2021
Accepted : 10 September 2021
Published : 30 December 2021*

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui keberkesanan pengajaran yang dapat membantu pengajaran guru prasekolah semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Kajian kes ini dijalankan di empat buah prasekolah yang terpilih iaitu dua buah prasekolah di Perak dan dua buah prasekolah di Selangor. Peserta kajian adalah seramai empat orang guru prasekolah yang telah dipilih melalui teknik persampelan bertujuan. Kajian ini telah menggunakan reka bentuk kajian kes yang dijalankan di dua buah negeri dengan menggunakan analisis tematik. Instrumen kajian yang digunakan terdiri daripada protokol temubual dan borang pemerhatian yang telah mendapat kesahan pakar daripada pensyarah Pendidikan Awal Kanak-Kanak. Teori yang digunakan dalam kajian ini adalah teori Robert Glazer iaitu memfokuskan tentang pengetahuan sedia ada guru sebelum sesi pengajaran dijalankan serta memfokuskan tentang kaedah atau aktiviti yang dijalankan semasa pengajaran dan pembelajaran. Dapatan temubual menunjukkan terdapat beberapa tema yang muncul iaitu pengetahuan guru sebelum menjalankan sesi pengajaran adalah sangat membantu ketika sesi pembelajaran. Ini disebabkan pengetahuan guru dalam merancang aktiviti adalah sangat penting bagi membantu melaksanakan sesi pengajaran yang menarik. Selain itu, bahan pengajaran yang bersesuaian dengan kanak-kanak mengikut tahap umur dapat menarik minat mereka untuk lebih memahami isi pengajaran guru dan sekaligus dapat mencapai objektif pembelajaran. Dapatan pemerhatian pula menunjukkan perancangan aktiviti yang bertepatan dengan isi pembelajaran juga mampu memberi kesan yang positif terhadap pengajaran guru dan mampu memberi kesan kepada pemikiran kanak-kanak. Sebagai guru yang kreatif, kepelbagaian kaedah pembelajaran mampu menjadikan pengajaran guru menjadi lebih tersusun dan mudah difahami oleh kanak-kanak. Kesimpulannya, dapatan utama kajian adalah menunjukkan pengetahuan guru dalam memahami isi pengajaran dan merancang aktiviti mampu menjadikan sesi pengajaran dan pembelajaran lebih terancang dan tersusun untuk membantu pemahaman kanak-kanak. Implikasi kajian ini mampu dijadikan panduan kepada guru agar sentiasa bersikap lebih sistematik dalam merancang dan mengendalikan cara pengajaran agar segala penyampaian guru pada hari berikutnya dapat diterima dan dijadikan pengalaman dalam kehidupan kanak-kanak.

Kata Kunci : Keberkesanan pengajaran, perancangan aktiviti

TEACHING DIVERSITY OF PRESCHOOL TEACHERS TO ACHIEVE TEACHING STRATEGIES: A CASE STUDY IN THE STATES OF PERAK AND SELANGOR

Abstract

The research aimed to explore the effectiveness of teaching which could help the teaching of preschool teachers during the teaching and learning sessions. This case study was conducted in four selected preschools, namely two preschools in Perak and two preschools in Selangor. The study participants were a total of four preschool teachers who were selected through purposeful sampling techniques. This study utilised the case study design conducted in two states using thematic analysis. The research instruments consisted of interview protocols and observation forms which had obtained expert validation from Early Childhood Education lecturers. The theory used in this study was Robert Glazer's theory that focused on the existing knowledge of teachers before the teaching session was conducted as well as focusing on the methods or activities carried out during the teaching and learning. The findings of the interview showed that there were several themes that appeared, specifically, the knowledge of teachers before conducting teaching sessions was very helpful during learning sessions. This was because the knowledge of teachers in planning activities was very important to help the implementation of interesting teaching sessions. In addition, teaching materials which were appropriate for the children according to age could attract their interest to understand the content of teachers' teaching more and at the same time they could achieve the learning objectives. The observation findings showed that the planning of activities that coincided with the content of learning could also have a positive effect on the teacher's teaching and could have an impact on children's thinking. A variety of learning methods could make the teacher's teaching more structured and easier to be understood by children. In conclusion, the main findings of the study indicated that the knowledge of teachers in understanding the content of teaching and the teacher's planning of activities could make teaching and learning sessions more organized to assist in the children's understanding. The implications of this study could be used as a guide for teachers to always be more systematic in planning and controlling teaching methods so that all teachers' presentations in future could be accepted and used as an experience in the children's lives.

Keywords: *Teaching effectiveness, activity planning*

PENGENALAN

Pengajaran merupakan satu proses yang merangkumi beberapa aspek seperti perancangan aktiviti, pelaksanaan pengajaran, penilaian dan maklum balas (Shahabuddin & Rohizani, 2004). Hal ini adalah bertujuan untuk mengembangkan ilmu pengetahuan bagi meluaskan pemahaman kanak-kanak tentang kehidupan. Guru yang cemerlang juga seharusnya menjalankan tanggungjawab seperti sebagai 'pengganti ibu bapa' dalam usaha membentuk tingkah laku kanak-kanak kearah yang lebih baik dan sempurna. Gaya pengajaran akan sentiasa bertukar-tukar mengikut arus pendidikan semasa. Seperti yang diketahui, pendidikan Negara bukan sahaja tujuan untuk melahirkan insan yang berakademik yang baik akan tetapi pendidikan Negara juga bertujuan untuk melahirkan insan yang seimbang dari segenap aspek yang dapat melangkaui kemajuan Negara ke tahap yang dapat dibanggakan (Muhyiddin Mohd Yassin, 2009).

Di dalam proses pengajaran dan pembelajaran, tidak hanya tertumpu kepada strategi yang khusus atau kaedah yang berkaitan semasa sesi pembelajaran berlangsung, akan tetapi sesi pengajaran dan pembelajaran yang bermakna adalah dimana guru tahu untuk mengaplikasikan strategi sedia ada

dengan tahap perkembangan minda kanak-kanak, minat kanak-kanak dan kebolehan yang sedia ada. Melalui daripada pengaplikasian itu, kita dapat lihat keberkesanan pengajaran guru yang mampu memberikan impak yang baik kepada kanak-kanak. Bahan pengajaran dan pembelajaran yang baik bukan sekadar berkesan, akan tetapi ianya mampu memotivasikan murid untuk terus melibatkan diri dengan pembelajaran (Morrison 2011). Pada abad ke-20 ini, kita dapat lihat perubahan yang sangat memberangsangkan walaupun perkembangan ICT di dalam pendidikan telah bermula pada tahun 1980an. Proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di dalam bilik darjah dapat ditafsirkan sebagai satu perkembangan ilmu pengetahuan dan pengalaman oleh kanak-kanak untuk memahami selok belok kehidupan yang akan disampaikan oleh guru.

LATAR BELAKANG

Pemilihan penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran adalah menjadi satu keutamaan bagi guru-guru sebelum mengaplikasikannya di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (Seman Saleh, 2006). Penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang tidak bersesuaian dengan kanak-kanak akan menimbulkan permasalahan bagi perkembangan kanak-kanak. Guru yang konsisten dalam pengajaran akan tahu untuk memilih kaedah yang bersesuaian dengan tahap perkembangan kanak-kanak. Guru juga perlu bijak untuk menggunakan kemahiran yang diperlukan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Antara kemahiran yang diperlukan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran adalah kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran membaca dengan baik, kemahiran menjana idea sendiri dan sebagainya. Rentetan daripada itu, jika guru-guru tahu cara terbaik yang perlu dilakukan sebelum pembelajaran, maka sesi pembelajaran akan berjalan dengan baik malah perkembangan minda kanak-kanak akan lebih berkembang dan mampu mempengaruhi hidup mereka.

Setiap kanak-kanak mempunyai cara atau gaya yang tersendiri untuk belajar menerima pembelajaran dengan menggunakan rangsangan tersendiri semasa bermulanya proses pembelajaran (Mohamed Zakaria, 2010). Proses pembelajaran dan pengajaran mampu memberikan kesan kepada minda kanak-kanak dalam penerimaan sesuatu perkara namun ianya bergantung kepada tahap penerimaan kanak-kanak itu tersendiri. Aktiviti pembelajaran yang terbaik mampu memainkan peranan yang amat penting dalam usaha untuk mencapai matlamat kanak-kanak terutamanya dalam kecemerlangan pencapaian akademik. Oleh yang demikian, aktiviti dan cara kanak-kanak dalam aktiviti pembelajaran boleh mengubah hidup kanak-kanak sekaligus dapat membantu mempengaruhi pencapaian kanak-kanak dalam akademik.

Strategi pengajaran yang mampu meningkatkan perkembangan kanak-kanak adalah terhasilnya daripada bantuan guru. Guru di ibarat 'Role Model' utama bagi membentuk kanak-kanak yang dapat membantu menggoncang dunia. Berdasarkan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan KSPK (2017), terdapat empat strategi pengajaran guru iaitu berpusatkan oleh guru, berpusatkan oleh kanak-kanak, berpusatkan oleh bahan dan berpusatkan oleh tugas atau aktiviti. Rentetan daripada strategi pengajaran itu, kita dapat lihat, pembelajaran yang bermakna atau berkesan kepada kanak-kanak akan menjadi pendorong untuk mereka berusaha untuk terus belajar dan mengejar cita-cita selaras dengan sikap dan akhlak positif yang telah mereka perolehi.

Pembelajaran yang dapat menambat hati kanak-kanak adalah disebabkan daripada strategi pengajaran guru yang berjaya menyediakan bahan aktiviti, ruang pembelajaran dan peluang kepada kanak-kanak untuk menikmati suasana pembelajaran berdasarkan kehendak mereka apabila wujudnya pemahaman ini (Sahimi & Said, 2012). Pengajaran dan pembelajaran yang bermakna kepada kanak-kanak adalah dengan cara yang menarik yang mampu memukau minda kanak-kanak. Bahan aktiviti yang guru gunakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran seharusnya menarik dan pelbagai agar dapat mencuit minat kanak-kanak untuk belajar (Pedük, Ş. B., Yildizbaş, F. & Aygün, A, 2014). Keperluan asas bagi kanak-kanak perlu dipandang serius. Hal ini kerana untuk memahami kehendak mereka, guru perlu membina strategi pembelajaran yang menarik yang bersesuaian dengan kanak-kanak kerana perspektif orang dewasa dan kanak-kanak adalah berbeza.

Dalam Bahagian Pembangunan Kurikulum (2008) melaporkan bahawa ada segelintir guru yang masih menggunakan cara pengajaran secara langsung di sekolah. Ada juga terdapat kajian terdahulu mendapati dimana amalan yang biasa guru gunakan di dalam bilik darjah masih tertumpu kepada pengajaran secara langsung malah ada juga guru yang kurang menggunakan pendekatan

bermain di prasekolah (Fauziah, 2009). Meskipun sudah diakui dimana terdapat banyak kepentingan dalam pendekatan bermain kepada proses perkembangan kanak-kanak (Razali & Zulkifli, 2013). Di dalam kajian yang lain juga mendapati penggunaan bermain dalam pendidikan awal kanak-kanak masih terdapat banyak isu dan cabarannya yang dihadapi (Norsuhaily, Normadiah, Nadhirah & Abdul Hakim 2015). Oleh yang demikian, untuk meningkatkan mutu pengajaran, guru memerlukan sumber, panduan dan bimbingan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran terutamanya dalam melakukan pengajaran yang berpusatkan murid. Sebagai contoh iaitu teknik penyilaian aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang telah dilaksanakan perlulah mengikut aras berfikir Taksonomi Bloom.

SOROTAN LITERATUR

Dasar yang difokuskan semata-mata untuk meningkatkan pendidikan guru tidak akan mencukupi untuk meningkatkan kualiti bilik darjah atau memaksimumkan keuntungan akademik anak-anak. Sebaliknya, meningkatkan keberkesanan pendidikan awal kanak-kanak mungkin akan memerlukan pelbagai aktiviti pembangunan profesional dan sokongan yang disasarkan kepada interaksi guru dengan kanak-kanak (Diane M. Early et.al, 2007). Menurut mereka lagi dalam kajian yang bertajuk 'Teacher's Education, Classroom Quality, and Young Children's Academic Skill: Results From Seven Studies of Preschool Programs' menyatakan iaitu matlamat semasa adalah untuk mempertimbangkan hubungan antara pendidikan guru, ijazah pendidikan dan dua hasil penting dalam Bilik Kelas kualiti serta kemahiran akademik kanak-kanak pada tahun sebelum kemasukan Prasekolah. Untuk menjawab soalan-soalan penyelidikan dengan tahap keyakinan yang besar, mereka menjalankan satu siri analisis biasa menggunakan data yang boleh dibandingkan dari tujuh kajian utama. Rentetan daripada itu, pendidikan guru dipertimbangkan sebagai sebahagian daripada sistem faktor yang menyumbang kepada kualiti guru, yang secara amnya berkaitan dengan kualiti kelas dan kepentingan kanak-kanak.

Menurut (Hashimah et all, 2009) menyatakan iaitu pengajaran guru di prasekolah boleh dilihat melalui keupayaan kreativiti seseorang guru tersebut. Berdasarkan kajian beliau juga, pengajaran guru di prasekolah perlu menekankan tiga aspek iaitu dengan mengkaji pelaksanaan pengajaran induksi guru yang meliputi penggunaan kepelbagai jenis kaedah. Aspek kedua adalah untuk mengenal pasti kebekesanan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dijalankan sebagai pengajaran individu, kumpulan kecil atau keseluruhan kelas dan aspek terakhir adalah untuk mengetahui kepelbagai strategi yang digunakan oleh guru prasekolah semasa sesi pengajaran dijalankan di dalam kelas. Kreativiti aktiviti pengajaran yang ditonjolkan oleh guru mampu menjadi bahan menarik yang boleh menarik perhatian kanak-kanak semasa sesi pengajaran yang digunakan oleh guru prasekolah. Keberkesanan aktiviti pengayaan dan pemulihan yang dijalankan oleh guru semasa sesi pengajaran dan pembelajaran boleh membantu guru dalam menjayakan strategi pengajaran yang dapat diserap padu oleh kanak-kanak.

Proses pembangunan melibatkan penyediaan bahan, semakan pakar dan penilaian kandungan modul (Aliza Ali & Zamri Mahamod, 2016). Dalam kajian beliau juga menyatakan seramai 20 penilai, terdiri daripada lapan pakar yang mempunyai bidang yang sama dan 12 guru prasekolah. Proses pelaksanaan dan penilaian modul ini juga dilakukan di dua bilik darjah bagi menguji kebolegunaan modul. Enam murid daripada dua Prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia dipilih bagi tujuan pengumpulan data. Setelah mengikuti dan memahami bahagian pertama guru boleh mengikuti aktiviti pengajaran dan pembelajaran di bahagian kedua. Kesemuanya terdapat 10 cadangan aktiviti permainan kemahiran bahasa (aktiviti pengajaran dan pembelajaran) yang dibangunkan dalam bentuk rancangan pengajaran harian. Hasil kajian ini dijangka berupaya menjadikan pembelajaran bahasa kanak-kanak prasekolah lebih bermakna dan menarik minat kanak-kanak untuk belajar.

Sesi pembelajaran sangat penting kerana daripada situ, kita dapat melihat keupayaan dan kesungguhan guru untuk membentuk para kanak-kanaknya. Hal ini disokong oleh kajian Gamze Bilir Seyhan et.al. (2017) dalam tajuk kajiannya iaitu 'The effects of Promoting Alternative Thinking Strategies Preschool Program on teacher-children relationships and children's social competence in Turkey' yang mana menyatakan terdapat hubungan yang dipandang antara guru dan kanak-kanak dan keupayaan guru untuk mewujudkan suasana kelas yang positif yang mampu memberikan nafas baru bagi kehidupan kanak-kanak. Guru menilai kanak-kanak menggunakan dua skala yang berbeza.

Kanak-kanak dinilai dengan temu bual untuk menilai persepsi hubungan mereka. Guru-guru kumpulan intervensi melaporkan peningkatan kemahiran sosial-emosi kanak-kanak, kemahiran hubungan interpersonal dan peraturan emosi kanak-kanak. Tambahan pula, apabila kumpulan kanak-kanak campur tangan yang diperhatikan menunjukkan tahap tingkah laku pro-sosial yang lebih tinggi, peningkatan tahap kepatuhan, kemahiran menyelesaikan masalah yang lebih baik dan perasaan yang lebih positif. Dapatan membuktikan bahawa, guru kumpulan intervensi lebih banyak pergantungan dalam hubungan mereka dengan kanak-kanak yang merangsang dan membina suasana pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan dan sistematik.

Guru seharusnya memainkan peranan dalam memastikan setiap aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan dengan baik sekaligus mampu memberi impak yang positif untuk kanak-kanak (Aimi Najlaa & Faridah, 2017). Kajian dilakukan di Prasekolah KPM di Negeri Sembilan yang bertujuan untuk melihat tahap kualiti aktiviti prasekolah berdasarkan persepsi guru prasekolah. Dalam kajian ini juga, tahap kualiti aktiviti ditentukan melalui soal selidik keatas 30 orang guru prasekolah di bandar dan 30 orang guru prasekolah di luar bandar. Kajian ini dijalankan bagi mengukur tahap persepsi guru terhadap dimensi. Antara aktiviti yang terlibat adalah daripada aktiviti motor halus, seni pergerakan, bongkah, main drama, sains dan matematik, penggunaan TV ataupun komputer dan kepelbagaian aktiviti yang bersesuaian. Dapatan menunjukkan bahawa bagi aktiviti motor halus, prasekolah di bandar lebih tinggi kualitinya berbanding prasekolah di luar bandar dan kedua-duanya berada pada tahap baik dan sangat memuaskan.

OBJEKTIF KAJIAN

Sebagai seorang pendidik atau guru, kita seharusnya menumpukan sepenuh perhatian kita kepada para kanak-kanak agar pembelajaran dan berjalan dengan lancar. Akan tetapi sebelum menumpukan perhatian kepada para kanak-kanak, guru atau pendidik seharusnya mempunyai matlamat yang utama yang mendorong guru untuk menjadi pendidik yang berdedikasi. Sebelum kanak-kanakan bermula, guru perlu memastikan segala keperluan atau strategi pengajaran berjalan dengan lancar. Oleh itu, secara umumnya kajian ini telah membina beberapa objektif kajian yang telah digariskan sebagai panduan. Antaranya adalah seperti berikut :

Dalam kajian ini telah disenaraikan tiga objektif kajian seperti berikut :

- 1) Untuk mengenalpasti cara bagi menggalakkan penyertaan kanak-kanak dalam aktiviti.
 - (a) Untuk mengenalpasti pengetahuan guru tentang kanak-kanak.
 - (b) Untuk mengenalpasti pengetahuan sedia ada kanak-kanak.
- 2) Untuk mengenalpasti tindakan yang sesuai untuk mendisiplinkan tingkahlaku kanak-kanak.
 - (a) Untuk mengenalpasti cara guru dalam mengendalikan pengajaran.
 - (b) Untuk mengenalpasti cara yang sesuai untuk membentuk tingkah laku kanak-kanak.
- 3) Untuk mengenalpasti cara guru bagi menarik minat kanak-kanak untuk melakukan aktiviti.
 - (a) Untuk mengenalpasti cara yang digunakan oleh guru bersesuaian dengan kanak-kanak.
 - (b) Untuk mengenalpasti cara yang digunakan oleh guru bagi mencapai hasil pembelajaran.

REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian adalah pelan tindakan yang menunjukkan secara terperinci bagaimana kajian dijalankan yang bertujuan sebagai petunjuk atau panduan dalam membantu penyelidik dalam menyelesaikan kajian ini dengan baik (Othman Lebar, 2017). Proses yang digunakan adalah proses memungut data dan menganalisis data hasil daripada penyelidikan yang telah dijalankan. Di dalam kajian ini, telah digunakan satu kaedah iaitu kaedah kualitatif. Bagi kaedah kualitatif, kajian

mengumpul data melalui temu bual dan pemerhatian akan lebih membantu untuk menguatkan lagi dapatan kajian bagi strategi pengajaran guru di Prasekolah yang terlibat.

Melalui kajian ini, kaedah kualitatif digunakan untuk memantapkan lagi kajian ini agar segala dapatan daripada instrument yang digunakan menepati dari segala aspek seperti aspek berkaitan persoalan kajian dan objektif kajian. Kaedah kualitatif ini digunapakai bertujuan untuk melihat setiap perkembangan dari setiap strategi pengajaran yang dilaksanakan didalam kelas ataupun luar kelas. Seperti sedia maklum, pembelajaran yang berkesan dan terancang, mampu memberikan impak yang sangat besar dalam diri setiap kanak-kanak. Kajian ini menggunakan kaedah temubual mendalam iaitu purposive & snowboling bagi membantu menjayakan kajian ini. Di dalam pelaksanaan kajian ini, telah menjalankan empat proses untuk membuat penambahbaikan yang berlaku secara bersistematik. Antaranya adalah:

1. Memastikan segala soalan bersesuaian dengan kajian yang dijalankan.
2. Sesi perbualan adalah berbentuk pertanyaan.
3. Sentiasa menerima maklum balas dengan baik.
4. Penyelidik sendiri mengendalikan temubual tersebut.
5. Penyelidik akan meneliti segala maklum balas yang diterima dan dijadikan bahan bukti dan rujukan bagi menambahkan dapatan kajian pengkaji. Berikut adalah jumlah bagi responden temu bual yang telah dijalankan.

Dalam kajian ini, telah menjalankan dua kali sesi temubual kepada para Responden yang terpilih. Persoalan yang diajukan adalah berdasarkan item yang telah diadaptasi daripada booklet National Child Development Research Centre (NCDRC). Setiap Responden perlu menjawab setiap persoalan yang diajukan sehingga mencapai kehendak yang diinginkan. Setiap soalan yang diajukan kepada setiap Responden adalah tentang strategi pengajaran guru prasekolah bagi membantu meningkatkan perkembangan kanak-kanak dan setiap Responden perlu memberikan maklum balas berdasarkan pengalaman yang telah mereka perolehi sepanjang proses pengajaran dan pembelajar yang telah mereka lakukan. Setiap maklum balas yang diberikan akan ditranskripikan dan dijadikan bahan bukti untuk sesi temubual dan akan dijadikan rujukan untuk masa akan datang.

Seterusnya kajian juga telah menggunakan kaedah pemerhatian sebagai kaedah pengumpulan data kajian ini. Kaedah ini dijalankan keatas premis tertentu yang telah dipilih. Kajian ini menggunakan kaedah purposive sampling yang bertujuan untuk menentukan Prasekolah yang bersesuaian dengan tajuk kajian ini, bagi pemilihan tempat kajian yang ingin dikaji. Berikut adalah kriteria-kriteria yang dapat mengukuhkan kajian untuk sampel pemerhatian ini :

1. Kriteria-kriteria pemilihan yang utama adalah berdasarkan cadangan daripada agensi iaitu KPM.
2. Kriteria-kriteria pemilihan kedua adalah berdasarkan pencapaian markah.
3. Kriteria-kriteria pemilihan ketiga adalah daripada skor yang diperoleh dari indicator dalam PERTAMA-Q.

DAPATAN KAJIAN

Soalan kajian 1 : Bagaimana cara menggalakkan penyertaan kanak-kanak dalam aktiviti?
Data yang diperolehi adalah melalui instrumen temubual.

Merancang aktiviti sebelum bermulanya pengajaran.

Bagi menjelaskan persoalan kajian 1 ini, guru seharusnya perlu lebih teliti tentang tahap pemikiran kanak-kanak yang akan mereka ajar supaya segala aktiviti yang dirancang dan bahan yang digunakan bersesuaian dengan tahap pemikiran kanak-kanak dan dapat memudahkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, guru itu sendiri perlu lebih mencari banyak lagi imput yang berkesan untuk membantu merancang pengajaran agar sesi pembelajaran mampu menarik minat kanak-kanak.

Penyertaan setiap kanak-kanak dalam aktiviti adalah sangat memberi kesan yang mendalam kepada perkembangan minda mereka. Kanak-kanak yang berjaya menguasai setiap aktiviti yang dijalankan oleh guru dari usia yang muda biasanya dapat mengharungi dunia akademik dan kerjaya professional dengan jayanya. Setiap kanak-kanak dapat mempelajari sesuatu yang diajar oleh guru dengan paling berkesan adalah ketika mereka sedang berseronok dengan aktiviti yang dijalankan. Dari keseronokan yang diperolehi, mereka akan lebih cepat untuk menerima setiap yang diajar oleh guru.

Guru seharusnya mempunyai kebiasaan untuk memberi ganjaran kepada kanak-kanak kepada mereka yang berjaya melakukan sesuatu dengan baik dan menikut peraturan permainan. Namun, kajian terkini menunjukkan bahawa kanak-kanak yang sentiasa diberi ganjaran menjadi lebih materialistik dan lebih mementingkan ganjaran daripada aktiviti yang disertai akan tetapi hal ini sedikit sebanyak dapat memberikan pengalaman dan membantu perkembangan minda kanak-kanak. Sudah menjadi kebiasaan bagi guru dalam membelanjakan wang untuk mencuba memberikan keseronokan kepada kanak-kanak kerana jika kanak-kanak melihat hasil yang akan mereka lakukan setelah selesai menjalankan aktiviti, keesokan harinya mereka akan lebih bersemangat untuk mencuba lagi di aktiviti akan dapat. Elakkan dari memandang negatif dari setiap perbuatan yang dilakukan agar dapat mengelakkan daripada sikap kurang bersemangat dan sebagainya.

Selain memberikan ganjaran pada setiap aktiviti yang dijalankan oleh kanak-kanak adalah guru perlu menerangkan tentang kegunaan ilmu yang mereka akan pelajari pelajari. Guru perlu menceritakan setiap kebaikan yang akan mereka lakukan daripada aktiviti yang dijalankan agar mereka dapat memahami dengan lebih jelas apa yang mereka akan alami. Kadang-kadang kanak-kanak akan mula merasa tidak minat atau bosan dengan apa yang mereka pelajari adalah kerana mereka tidak mengetahui kegunaan ilmu yang mereka pelajari.

Mereka hanya mengetahui bahawa mereka perlu belajar kerana disuruh oleh guru mereka atau bagi mereka ia adalah rutin yang perlu mereka lalui seperti rutin-rutin yang lain. Guru yang baik adalah guru yang mampu menjelaskan kepada anak muridnya tentang apa yang boleh mereka aplikasikan dengan apa yang mereka pelajar.

“...Em saya saya sebagai cikgu kan, saya banyak mempelbagaikan aktiviti lah selain mereka buat kerja sahaja belajar sahaja saya cuba macam aktiviti luar macam ibu bapa lepas tu macam mereka boleh masak-masak belajar secara kreatif lah, tak bosan sangat secara bermain juga, ar oleh itu kanak-kanak tu suka datang ke sekolah saya dapat feedback dari ibu bapa lah, macam dia hari ni sakit arr dia juga minta ibu bawa dia nak belajar, belajar juga lah kerana banyak ada yang swasta juga juga ada menyediakan kanak-kanakan macam seperti tetapi dia ibu bapa hantar ke SJKC nak mereka belajar chinese study, oleh itu kite boleh ajar betul-betul selain budak chinese juga ada malay india lah...”

(RGP1/ tb)

“...Ha saya awal pagi tu, mula saya dah terangkan lah aktiviti haritu, saya memang terangkan siap-siap, jadi kata kalau nak macam, kebanyakan saya suka saya mungkin suka menyanyi, jadi setiap kali macam kata walaupun kata huruf a b c tu, ha pasang lah a b c upin ipin, ha nyanyi sama-sama harini kita nak cikgu nak kenalkan huruf ni, bentuk macam ni, kita dah buat dulu kan, ha kita buat ni...”

(RGP2/tb)

“...Guru wajib merancang dan melaksanakan aktiviti yang kanak-kanak suka dikuti seperti aktiviti main peranan. Guru melaksanakan aktiviti tersebut dengan jayanya. Kanak-kanak meminta guru mengulangi aktiviti yang sama kerana mereka tertarik dengan aktiviti tersebut. Aktiviti yang dilaksanakan keperluan dan kehendak kanak-kanak...”

(RGP3/tb)

“ Aktiviti pembelajaran mengambil kira pengetahuan sedia ada dan minat kanak-kanak terhadap bahan dan aktiviti yang dijalankan oleh guru ”

“ Mencari tahu minat dan kelebihan setiap kanak-kanak”

“ Penyusunan aktiviti yang teratur malah bersesuaian dan mampu melahirkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan”

(RGP4/P)

Soalan kajian 2 : Apakah tindakan yang sesuai untuk mendisiplinkan tingkahlaku kanak-kanak? Dapatan kajian ini juga diperolehi melalui dapatan pemerhatian dan temubual.

Dendaan yang bersesuaian dan tidak terlalu memanjakan

i. Sentiasa mengingatkan tentang peraturan dan memberi pujian.

Bagi menjelaskan dapat soalan kajian 2 ini, guru perlu sentiasa peka dengan tingkahlaku kanak-kanak pada zaman kini kerana mereka lebih terdedah dengan berbagai- bagai kemungkinan yang tidak diingini. Cara mendisiplinkan kanak-kanak tidak semestinya perlu melakukan kekasaran, akan tetapi guru juga perlu menjalankan dendaan yang bersesuaian dengan tahap umur kanak-kanak agar mereka sentiasa memahami setiap perlakuan yang dilakukan tidak semestinya betul. Pujian diselangi teguran juga boleh mambantu mendisiplinkan kanak-kanak kerana pada usia seawal ini, mereka masih dalam proses meneroka persekitaran untuk dihadap dalam kehidupan seharian.

Disiplin merupakan kepentingan utama bagi kanak-kanak untuk sesuatu perkara dan boleh menjadi masa yang paling berguna bagi pembentukan perilaku kanak-kanak. Setiap kanak-kanak memiliki potensi seperti memahami peraturan dalam kehidupannya. Melalui disiplin, kanak-kanak dapat belajar berperilaku yang sesuai dengan tahap umur mereka dan sebagai kesannya daripada perkara itu, kanak-kanak dapat bersosial mengikut tahap mereka (Choirun Nisak Aulina, 2013). Dalam kajian beliau juga menyatakan hukuman merupakan satu aspek utama dalam mendisiplinkan perilaku kanak-kanak. Selain daripada itu hukuman, peraturan, penghargaan juga adalah aspek yang perlu ada bagi mengukuhkan lagi cara untuk mendisiplinkan kanak-kanak.

Cara terbaik dalam mendidik disiplin kanak-kanak adalah dengan memulakan pertanyaan dan bukan dengan pernyataan. Memulakan pertanyaan adalah guru perlu bersoal jawab dengan kanak-kanak agar mereka dapat memahami setiap perkara yang dilakukan dan mereka dapat memberikan pandangan bagi pihak mereka. Guru perlu mengelakkan daripada memulakan pernyataan yang agak kasar dan terus terang malah memberikan rasa takut kepada kanak-kanak. Hal ini demikian kerana, jika pernyataan kesalahan terus diajukan kepada kanak-kanak, mereka tidak dapat peluang untuk bercerita dan sekaligus mereka tidak dapat membezakan perkara apa yang patut dilakukan dan perkara apa yang tidak patut untuk dilakukan. kanak-kanak lebih mudah menerima teguran dengan menggunakan cara yang sopan, berbanding dengan cara mengarah-ngarah mereka. Cara ini boleh disusuli dengan isyarat gerakan, isyarat visual, dan boleh juga dilakukan terus dihadapan kanak-kanak.

Teguran dan nasihat pada anak itu perlu disampaikan secara rahsia juga merupakan faktor yang membantu mendisiplinkan kanak-kanak. Apabila guru mahu menegur setiap kesilapan yang dilakukan oleh kanak-kanak, guru perlu menegur dihadapan kanak-kanak itu sahaja tanpa melibatkan orang lain disekelilingnya agar mereka dapat fokus pada setiap apa yang guru katakana tanpa ada gangguan lain yang akan merosakkan fokus mereka. Tujuannya juga adalah demi menjaga air muka kanak-kanak tersebut agar mereka tidak berasa dimalukan ketika teguran itu dilakukan dihadapan orang lain. Pada ketika guru ingin menegur kanak-kanak, guru perlu mengambil kisah pada sebab atau alasan melakukan kesilapan itu. Sekiranya kesilapan itu berpunca daripada perilaku buruk yang sudah menjadi kebiasaan, adalah wajar sebagai guru untuk bersikap menegur dan menasihati kanak-kanak supaya mereka dapat mengubah perilaku buruk itu malah guru juga perlu bijak dan berhemah kepada kanak-kanak yang belum dapat membezakan antara baik ataupun buruk kesalahan yang dilakukan. Sekiranya kita bersikap keras dan tegas kepada-kanak itu, mereka akan semakin menjauh.

“...Sama-sama oleh itu jika yang lemah kan macam budak melayu kena banyak lagi latihan lah macam kena kena rehat panggil tanya mereka macam mana seronok tak penggunaan bahasa cina...”

(RGP1/tb)

“...Jadi kita macam nak, saya selalu push budak, cuba buat kerja tu cepat-cepat, buat dulu kerja sat gi sembang kan tak apa kan, dok galit dok leka la apa, kadang saya pernah denda budak balik, saya tak bagi diorang balik, hak mana yang adik beradik tu menangis lah yang abang dapat balik dulu lah, saya keluar saya uruskan murid yang balik tu balik dulu, hak mana yang tu, saya kata saya lewatkan, siapkan kerja dulu...”

(RGP2/tb)

“...Kalau saya budak mengangis saya biar je, saya tak akan pujuk, saya biar sampai satu saat dia diam...Macam budak mengamuk-ngamuk yang tak nak masuk kelas biasa janji saya kunci grill dekat pintu pagar...at least bila kita jenguk ar ada lagi, saya macam tu. Sat gi dia akan automatic kata cikgu saya nak masuk. Tak apa masuklah, kita kalau lagi kita layan lagi dia menjadi-jadi...Saya biar, nak nangis nangis lah...tapi nagis mereka tu dalam pantauan kita la bukan biar macam tu jee..”

(RGP3/tb)

“ Kanak-kanak perlu sentiasa diberi bimbingan kerana mereka masih tidak membezakan sesuatu perkara yang terjadi sama ada baik ataupun buruk.Bimbingan dan teguran yang bersesuaian boleh meningkatkan keyakinan diri kanak-kanak ”

“ Teguran dan sentiasa menunjukkan kelakuan yang baik semasa dihadapan kanak-kanak agar mereka dapat melihat dan mengetahui setiap yang akan mereka lakukan itu salah ”

“ Sentiasa memberi pelukan dengan penuh kasih sayang dan diselangi dengan kata-kata positif berserta nasihat”

(RGP4/P)

Soalan kajian 3 : Apakah cara guru bagi menarik minat kanak-kanak untuk melakukan aktiviti? Dapatan bagi juga adalah melalui pemerhatian dan temubual.

i. Mempelbagaikan teknik pengajaran

Bagi soalan kajian 3 ini pula, kepelbagaian teknik pengajaran adalah sangat diperlukan kerana minda kanak-kanak sedang berkembang dan mereka perlu memahami berbagai cara pengajaran untuk lebih membantu mereka menerima pengajaran yang ingin disampaikan oleh guru. Penyediaan aktiviti yang lebih menarik dan bersesuaian mampu memberikan kesan yang mendalam kepada kanak-kanak.

Memberi sorakan sokongan kepada kanak-kanak apabila mereka melakukan aktiviti dengan penuh keyakinan juga adalah cara untuk membantu menarik minat kanak-kanak. Di setiap hati kecil kanak-kanak, mereka sangat memerlukan perhatian daripada orang sekeliling agar mereka merasakan yang mereka ini di sayangi. Setiap kanak-kanak mempunyai kebolehan istimewa masing-masing yang terpendam dalam diri mereka. Sorakan dan galakan dari pada orang yang berada disekitar mereka adalah sangat memperi impak dalam membantu perkembangan minda mereka. Terdapat banyak kemahiran yang kanak-kanak peroleh daripada melakukan pelbagai jenis aktiviti yang berlainan. Kanak-kanak akan terdedah kepada pelbagai pengalaman pengajaran dan pembelajaran yang menjadikan mereka pelajar yang berkebolehan. Melalui itu kepelbagaian teknik pengajaran yang berkesan dapat menarik minat setipa kanak-kanak untuk terus belajar dan seronok untuk belajar. Keserasian kanak-kanak dengan aktiviti

yang dirancang oleh guru mampu melahirkan kanak-kanak yang bijak dan pintar.

Menggunakan alat bantu mengajar yang bersesuaian adalah menjadi teknik yang dapat menarik minat kanak-kanak untuk melakukan aktiviti bersama-sama. Zaman persekolahan zaman dahulu berbeza dengan masa kini. Zaman dulu, guru hanya baca buku dan pelajar salin semula apa yang guru baca, dalam erti kata lain guru tidak menggunakan alat bantu mengajar selain buku teks. Namun hari ini, zaman pemodenan telah menghakis minat pelajar untuk belajar kerana belajar tidak seseronok bermain video games atau menonton televisyen dan melayari Internet. Kanak-kanak mempunyai satu sifat umum iaitu sukakan perkara yang baru. Justeru itu, setiap guru haruslah sentiasa cuba membawa benda-benda baru yang unik dalam sesi pembelajaran dengan mengaplikasikan berbagai alatan untuk dijadikan bahan bantu mengajar dalam menarik minat kanak-kanak. Justeru, guru harus berusaha keras mengajar secara kreatif, misalnya membawa alat bantu mengajar yang kreatif dan unik yang bersesuaian dengan tahap umur kanak-kanak ketika sesi pembelajaran dalam kelas bagi menarik minat kanak-kanak tersebut.

“...Guru memberikan kata-kata pujian apabila kanak-kanak yang memberikan respon yang positif. Contoh: memberi tepukan dan pelekat smile kepada kanak-kanak yang menjawab soalan...”

(RGP1/tb)

“...Cakap...Ulang balik peraturan hari-hari...”

(RGP2/tb)

“...Guru takpayah la nak selalu ulang apa peraturan sekolah, takkan nak bawak masuk list peraturan sekolah tiap kali dalam kelas kan., cukup sekadar guru perlu kata jangan lakukan perkara yang dilarang di sekolah seperti conteng dinding, berlari di tangga dan sebagainya., explain jugak kesan kalau lari jugak nanti jadi macam mana., jatuh ke apa, luka sakit....”

(RGP3/tb)

“ Pengulangan tentang peraturan sekolah dan perkara yang tidak boleh dilakukan disekolah juga perlu di beri penekanan yang serius agar kanak-kanak sentiasa dijaga dengan rapi tentang perkara yang tidak sepatutnya mereka lakukan dan tentang perkara yang sepatutnya mereka lakukan. Pujian tentang sesuatu perkara baik yang dilakukan adalah faktor yang penting bagi membantu meningkatkan keyakinan diri kanak-kanak ”

“ Penerangan berserta kelakuan agar kanak-kanak terus dapat memahami apa yang dikatakan oleh guru. Seperti sedia maklum, kanak-kanak usia awal prasekolah ini mengembangkan pemikiran mereka adalah melalui apa yang dilihat dan apa yang dilakukan oleh guru mereka.

(RGP4/P)

“...Lepas tu kite ada satu aktiviti macam bertema lah, B ar BM punye, dia macam bahasa komunikasi tu kena BM lepas tu...”

(RGP1/tb)

“...Oleh itu mereka kenal salad tu lepas tu mereka boleh belajar macam mana arr potong sikit lah macam mana nak guna yang fox ke, ajar mereka potong macam ganti pisau, mereka boleh belajar PFK sama, lepas tu kenali arr boleh observe yang tu arr size punye macam warna ini ini, arr sayur ada arr berbeza dengan sayur lain, macam ini warna hijau yang itu warna tomato kan merah macam nilah kite gabung jalinan...”

(RGP2/tb)

“... Cikgu perlu tahulaa, budak ni tahap pemahaman pemikiran macam mana, tak boleh laa buat aktiviti ikut suka je, kena tahu apa yang sepatutnya dan sebaliknya. Perancangan yang lebih terancangn dari guru tu sangat membantu sesi pengajaran...”
(RGP3/tb)

“ Perlu menjalankan aktiviti mengikut objektif dan membuat refleksi bagi setiap pelaksanaan aktiviti yang dijalankan agar kesempurnaa pengajaran yang seterusnya dapat dijalankan dengan lebih baik dan teratur ”

“ Mempelbagaikan teknik pengajaran yang melibatkab persekitaran dalam kelas dan persekitaran luar kelas”

“ Penyediaan bahan yang mampu menarik minat kanak-kanak mengikut peredaran zaman mereka yang membuatkan mereka lebih teruja untuk melakukan aktiviti bersama-sama ”

(RGP4/P)

PERBINCANGAN

Pada bahagian ini, akan diterangkan dengan lebih jelas dan terperinci mengenai dapatan hasil kajian dan perkaitan yang ditemui dalam dapatan kajian dengan sorotan kajian yang dapat mengukuhkan dan menyokong dapatan kajian ini sama ada terdapat pertentangan hujan dan pandangan daripada kajian lepas dengan dapatan hasil kajian ini.

Melalui dapatan kajian persoalan 1 yang menggunakan instrumen pemerhatian dan temubual ini mendapati kepelbagaian aktiviti yang dijalankan oleh guru mampu menarik kanak-kanak untuk turut serta dalam melakukan aktiviti. Kepelbagaian cara pengajaran secara profesional yang bersesuaian dengan peringkat umur kanak-kanak boleh membantu kanak-kanak untuk menggalakkan diri mereka dalam aktiviti yang telah diatur oleh guru. Berdasarkan dapatan kajian yang telah diperolehi, hasil dapatan kajian ini telah disokong oleh (Aimi Najlaa & Faridah, 2017) guru harus memainkan peranan dalam mempelbagaikan teknik pengajaran dalam memastikan setiap aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan dengan baik malah dapat diikuti oleh kanak-kanak sekaligus memberi kefahaman yang baik dalam menerangkan sesuatu semasa sesi pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu, penerangan sebelum menjalankan aktiviti juga perlu diatur dengan teliti supaya kanak-kanak dapat memahami apa yang ingin disampaikan oleh guru sekaligus mampu diaplikasikan dalam kehidupan seharian kanak-kanak. Perancangan aktiviti yang menarik dan terancang daripada guru juga adalah satu strategi yang dapat menerapkan nilai murni yang positif ke dalam diri kanak-kanak. Hasil dapatan yang diperolehi juga turut disokong oleh kajian (Marhaiza Ibrahim et.al, 2015) dengan menerangkan bahawa pemprosesan pendidikan kanak-kanak bukan hanya tertumpu kepada disiplin pengajaran dan pembelajaran, akan tetapi ianya tertumpu juga kepada ilmu pengetahuan guru itu yang tersendiri yang mampu menjadikannya suatu pengajaran dan pembelajaran dapat diaplikasikan kearah lebih berkesan untuk masa depan kanak-kanak.

Bagi hasil dapatan kajian persoalan 2 bagi tindakan yang sesuai untuk mendisiplinkan tingkah laku kanak-kanak adalah antaranya memperbanyakkan latihan yang perlu diberikan agar mereka dapat menyesuaikan diri mereka sekaligus dapat memberikan tingkah laku yang baik. Rangsangan yang diterima daripada guru melalui memperbanyakkan latihan adalah bertujuan untuk meningkatkan disiplin tingkah laku kanak-kanak adalah bersesuaian dengan tahap umur kanak-kanak. Melalui dapatan ini juga turut disokong oleh kajian (Gogru, 2015) dengan menyatakan bahawa menggunakan kaedah teguran dan memberi perhatian adalah bertujuan sebagai langkah sokongan untuk kanak-kanak yang mempunyai masalah dengan pembelajaran

untuk meningkatkan tumpuan kanak-kanak itu sendiri.

Pengulangan tentang peraturan sekolah juga adalah salah satu tindakan yang bersesuaian untuk meningkatkan disiplin kanak-kanak agar mereka sentiasa ingat akan apa yang boleh dilakukan dan apa yang tidak boleh dilakukan. Kenyataan hasil dapatan ini disokong oleh (Choirun Nisak Aulina, 2013) yang menyatakan di dalam kajiannya iaitu hukuman merupakan salah satu cara kedisiplinan yang diperlukan untuk mendisiplinkan kanak-kanak di usia dini. Cara lain bagi mendisiplinkan kanak-kanak selain hukuman adalah peraturan, penghargaan dan konsistensi. Jadi dalam pelaksanaan mendisiplinkan kanak-kanak semua cara tersebut harus ada.

Keseluruhan daripada hasil dapatan kajian mengenai cara guru bagi menarik minat kanak-kanak untuk melakukan aktiviti adalah sentiasa mengamalkan rutin harian agar permulaan harian kanak-kanak menjadi lebih bersemangat dan lebih bertenaga untuk meneruskan pembelajaran pada sesi pengajaran seterusnya. Hasil dapatan ini juga mendapati guru perlu mengenalpasti tahap pengetahuan kanak-kanak sebelum merancang aktiviti pembelajaran agar kanak-kanak sentiasa berasa gembira untuk terus melakukan aktiviti yang dijalankan oleh guru. Dapatan ini disokong oleh kajian (Mohd. Nazri Abdul Rahman et.al, 2014) iaitu memberi kebebasan dan keseronokan kepada kanak-kanak untuk terus belajar mengikut tahap kebolehan dan minat mereka. Kesesuaian tahap pengajaran yang di ajar oleh guru sangat memberi pengaruh yang besar di dalam diri kanak-kanak.

Selain itu, menambahkan aktiviti sampingan yang bersesuaian dengan pembelajaran juga merupakan salah satu cara untuk guru menarik minat kanak-kanak untuk menyertai aktiviti. Aktiviti yang berbagai bentuk meskipun masih di dalam tajuk yang sama perlu di berikan agar kanak-kanak lebih mudah untuk memahami hasil pembelajaran yang ingin disampaikan oleh guru selain mereka dapat berseronok dan dapat memahaminya dengan lebih baik dan sempurna. Dapatan ini turut disokong oleh (Hashimah et all, 2009) menyatakan iaitu pengajaran guru di prasekolah boleh dilihat melalui keupayaan kreativiti seseorang guru tersebut. Berdasarkan kajian beliau juga, pengajaran guru di prasekolah perlu menekankan aspek iaitu dengan mengkaji pelaksanaan pengajaran induksi guru yang meliputi penggunaan kepelbagaian jenis kaedah.

KESIMPULAN

Kepelbagaian teknik perlu lebih dipelajari oleh guru yang bertujuan untuk melahirkan generasi yang cemerlang di masa akan datang. Usaha dan kesungguhan guru dalam menjalankan tanggungjawab adalah sangat dihargai oleh kerana seperti yang kita ketahui agak tidak mudah untuk mengajar kanak-kanak yang pada usia prasekolah ini untuk belajar sedangkan di dalam pemikiran mereka hanyalah bermain dan berseronok. Hal ini demikian kerana, institusi prasekolah mahupun sekolah swasta yang lain merupakan satu platform kepada kanak-kanak untuk mengembangkan pemikiran mereka dan potensi diri mengikut kepelbagaian kemahiran yang diminati. Di alam prasekolah ini, kanak-kanak mula menyelami segala kemahiran dan budaya yang dilihat disekelilingnya sama ada persekitaran di sekolah, guru-guru dan rakan-rakan sekaligus di alam prasekolah ini merupakan institusi kedua selepas persekitaran mereka dirumah.

Justeru, gurulah yang bertindak untuk mencorak dan membina sudut pemifikiran anak didiknya sehingga menjadi manusia yang bersifat rabbani. Bayangkan jika seorang guru yang mempunyai sistem nilai tinggi, jiwa pengasih, sabar dan emosi seimbang, pastinya manusia yang akan dibentuk adalah insan mempunyai keperibadian mulia kerana asas didikan yang diberikan adalah baik. Sama seperti jika guru-guru sering memberikan sesi pengajaran yang kreatif dan menarik, ianya pasti akan memberi impak kepada pemikiran kanak-kanak tersebut untuk meniru apa yang telah guru lakukan. Jika seseorang guru gagal memahami tugasannya sebagai pendidik, tidak ada disiplin diri tinggi, kurang nilai kasih sayang dalam diri, bayangkan bagaimana kanak-kanak yang dibentuk daripada nilai personaliti yang lemah ini. Sudah pasti anak berkenaan tidak dapat membesar bersama sahsiah diri yang tinggi sebaliknya menjadi orang tercorot dalam pencapaian hidup mereka. Guru bukan hanya bertanggungjawab ketika berada di bilik darjah tetapi kesannya adalah sepanjang setiap perjalanan kehidupan manusia itu sendiri. Guru yang memberi manfaat kepada kanak-kanak akan mendorong pelajar itu menjadi orang bermanfaat

kepada kehidupan, ia umpama ganjaran saham akan diterima guru itu. Jika guru mengabaikan tugas membina akhlak mulia, guru berkenaan sebenarnya gagal sebagai seorang pendidik.

BIBLIOGRAFI

- Aliza Ali & Zamri Mahamod. (2016). *Pembangunan Dan Kebolegunaan Modul Berasaskan Bermain Bagi Pembelajaran Kemahiran Bahasa Melayu Kanak-Kanak Prasekolah*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal –MyLEJ) ISSN: 2180-4842 Vol. 6, Bil. 1 (Mei 2016): 16-29.
- Aimi Najlaa & Faridah. (2017). Kualiti Aktiviti Di Prasekolah KPM Dari Perspektif Guru. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, Jilid Ke-18, 2017. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Choirun Nisak Aulina. (2013). *Penanaman Disiplin Pada Anak Usia Dini*. Dosen Jurusan PGPAUD Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan Universitas Muhammadiyah Sidoarjo.
- Diane M. Early et.all (2007). Teachers' Education, Classroom Quality, and Young Children's Academic Skills: Results From Seven Studies of Preschool Programs. *Child Development*, March/April 2007, Volume 78, Number 2, Pages 558 – 580.
- Fauziah Mohd. Jaafar. (2009). Kepentingan aktiviti bermain di dalam pendidikan prasekolah. <http://www.fp.utm.my/medc/journals/vol3/3.%20KEPENTINGAN%20AKTIVITI%20BERMAIN%20DI%20DALAM%20PENDIDIKAN%20P>.
- Gamze Bilir Seyhan, Sakire Ocak Karabay, Tugce B. Arda Tuncdemir, Mark T. Greenberg, and Celene Domitrovich, (2017). *The effects of Promoting Alternative Thinking Strategies Preschool Program on teacher–children relationships and children's social competence in Turkey*. International Journal of Psychology. Ege University Scientific Research Foundation, Turkey.
- Hashimah Mohd Yunus, Nor Hashimah Hashim, Yahya Che Lah, Muhammad Zohir Ahmad & Norlida Ahmad. (2009) Preschool Teacher's Instruction: Is It Innovative and Creative?.
- Muhyiddin Mohd Yassin (2009). *Amanat Menteri Pelajaran Perhimpunan Bulan Mei*. http://www.gov.my/galeri_awam/ucapan/2009/2009_KPM_240_9304_3711.pdf
- Morrison, G.R., Ross, S.M., Kempt, J.E., & Kalman, H.K. (2011). *Designing effective instruction*. New York: John, Wiley & Sons.
- Mohamed Zakaria, Z. B. (2007). *Hubungan Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik : Tinjauan Di Kalangan Pelajar-pelajar Sarjana Muda Pendidikan Tahun Pertama, Utm, Skudai, Johor*. Tesis. Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.
- Marhaiza Ibrahim, Ahmad Zubir Ibrahim, Selamah Maamor & Aznita Samsi, (2015). *Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) Ke Arah Melahirkan Modal Insan Kelas Pertama : Universiti Utara Malaysia*.
- Mohd. Nazri Abdul Rahman, Mohamad Muhidin, Zanariah Ahmad, Aniza Mohd Said, Saedah Siraj, Norlidah Alias, Zaharah Hussin. (2014). *Aplikasi Pendekatan Fuzzy Delphi Untuk Membangunkan Pembelajaran Kanak-Kanak Homeschooling Menggunakan Media Animasi Interaktif*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia
- Noor Hashimah Hashim & Yahya Che Lah. (2003). *Panduan Pendidikan Prasekolah*. Selangor: PTS.
- Norsuhaily Abu Bakar, Normadiah Daud, Nadhirah Nordin & Abdul Hakim Abdullah. (2015). Developing integrated pedagogical approaches in play pedagogy: Malaysian experience. [file:///C:/Users/win8/Downloads/44296-152490-1-SM%20\(2\).pdf](file:///C:/Users/win8/Downloads/44296-152490-1-SM%20(2).pdf) [5 Mac 2015].
- Pedük, Ş. B., Yildizbaş, F. & Aygün, A. (2014). *Investigation of preschool teachers' opinions about physical/ spatial characteristics of preschool classrooms in preschool education institutions*. Procedia-Social and Behavioral Sciences, 143, 750–757. doi:10.1016/j.sbspro.2014.07.427.
- Razali Shafie & Zulkifli Daud. (2013). Amalan kaedah pengajaran belajar sambil bermain dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Pelaksanaan pengajaran penulisan dalam kalangan guru prasekolah. Kertas Kerja International Conference on Early Childhood Education (ICON2013). Penerbitan Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan, Besut Terengganu pada 9-11 September.

- Seman Saleh, (2006). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu: Kajian Kes Di Sebuah Sekolah Rendah Di Daerah Jerantut, Pahang Darul Makmur. *Jurnal IPBA*, Jilid 3(2).
- Shahabuddin Hashim & Rohizani Yaakub (2004). *Psikologi Pembelajaran & Personaliti*. Bentong:PTS Publication.
- Sahimi, N. N. & Said, I. (2012). Young children selections of the physical elements in the preschool environment. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 38 (December 2010), 176183. doi:10.1016/j.sbspro.2012.03.338.
- Sabitha Marican. (2006). *Penyelidikan Sains Sosial-Pendekatan Pragmatik*. Selangor. Edusytem Sdn. Bhd.